

### *Damai di kalangan pengasingan agama dan ekonomi*



*Bilangan penduduk: 23,000,000*

*Kristian 68.9% (semua denominasi)*

*Muslim 15.9%, Agama tradisional (animisme) 8.5%, Lain-lain / tiada agama 6.7%*

Pada tahun 2007, Ghana menyambut ulangtahun ke-50 kemerdekaan dari Great Britain. Negara ini telah lama mengalami kestabilan dari segi politik dan pertumbuhan ekonomi – tetapi malangnya pertumbuhan ekonomi ini belum lagi sampai ke semua bahagian masyarakat ini. Musim kemarau yang berpanjangan telah menyebabkan tuaian yang kurang memuaskan dan juga terputusnya bekalan elektrik. Ini disebabkan oleh pencatutan air di Tasik Volta, takungan air yang terbesar di Afrika, yang bererti turbin penjana elektrik tidak dapat berputar untuk

menjanakan kuasa. Secara umum, tanah di kawasan Utara kurang baik dan kurang berhasil berbanding dengan tanah di bahagian Selatan (hanya satu musim hujan dan satu musim penuaiandi bahagian Utara berbanding dua di bahagian Selatan. Banyak usaha diperlukan oleh kerajaan dan juga organisasi-organisasi kemanusiaan untuk memajukan perkembangan di utara Ghana.

**Pengasingan:** Terdapat juga pengasingan agama di antara bahagian Selatan yang lebih Kristian dan bahagian Utara yang kebanyakannya



Muslim (walaupun kebanyakan suku-suku masih dipengaruhi oleh kepercayaan animis). Mujurlah terdapat beberapa komuniti orang-orang percaya di bahagian Utara, namun negara-negara Islam telah banyak melaburkan wang untuk menyebarkan Islam kepada suku-suku ethnik di sana. Seolah-olah agama Islam dan Kristian sedang berlumba untuk memenangi kawasan Afrika Barat ini. Walaupun masih ada keadaan yang damai di antara dua kumpulan ini, konflik masih wujud di antara berbagai mazhab-mazhab Muslim di rantau ini.

Satu kubu kuat bagi Islam di Ghana adalah kota Wa di bahagian barat laut negara ini. Penduduk-penduduk di sini kebanyakannya peniaga-peniaga yang beragama Islam. Golongan orang percaya di Wa telah melihat beberapa orang datang ke Yesus tahun lalu; bagi orang-orang ini, biasanya perbuatan ini akan mengakibatkan penolakan dari keluarga-keluarga mereka.

### **BAHAN-BAHAN DOA:**

- *Berdoalah bagi orang-orang Ghana yang*

*sedang berusaha memperkenalkan Kristus kepada orang-orang Muslim. Mereka memerlukan dorongan dan sokongan untuk terus berusaha.*

- *Berdoalah bagi penduduk-penduduk Wa agar mereka akan terbuka terhadap Injil. Berdoalah agar orang-orang yang baru percaya akan menjadi berani dan bertumbuh dalam iman mereka supaya orang lain dapat dijangkau.*



➤ *Semoga orang-orang percaya di Wa dan rantau yang lain akan bertumbuh dalam kekuatan dan hikmat Tuhan, membina perhubungan yang baik sesama mereka dan saling mendorong.*

### HIDUP YANG TELAH DIUBAHKAN DI GHANA

Selepas menolak Injil selama bertahun-tahun sebagai seorang Muslim yang ekstremis, 'Malik' kini

bersemangat tentang Tuhan Yesus. Dia telah menjadi seseorang yang mengisytiharkan Yesus secara damai. Baru-baru ini dia mendapat filem "Yesus" dan telah menayangkan filem ini di sebuah kampung di mana Islam telah ditubuhkan 400 tahun yang lalu. Kebanyakan di antara 5,000 orang di kawasan kampung pertanian ini tidak tahu membaca, jadi filem ini mendapat sambutan yang baik. Ramai yang telah mendengar Injil dengan sukacita. Selepas itu, mereka mendapat tahu bahawa hampir 100 orang di dalam kampung itu telah menemui kehidupan

baru di dalam Mesias. Oleh kerana orang-orang yang baru percaya ini telah menaruh keyakinan mereka ke atas Yesus yang melepaskan mereka dari roh-roh jahat, mereka membakar tangkal-tangkal dan azimat-azimat mereka. Mereka juga menghadapi penentangan dari setengah orang.

[www.30-days.net](http://www.30-days.net)

[www.30daysfire.net](http://www.30daysfire.net)

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

